

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 13 TAHUN 2007

MENGOSONGKAN RUMAH BIASA KERAJAAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan peraturan mengenai pengosongan Rumah Biasa Kerajaan oleh pegawai Kerajaan yang memiliki rumah melalui pembiayaan Skim Pinjaman/ Pembiayaan Perumahan Kerajaan.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 1974 telah memperuntukkan peraturan mengosongkan Rumah Biasa Kerajaan yang diduduki oleh pegawai Kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan telah memiliki rumah dalam kawasan lingkungan 12 batu daripada Pejabat Pos Kuala Lumpur melalui Rancangan Bantuan Wang Perumahan Kerajaan.

3. Walau bagaimanapun, berikutan keperluan semasa, Kerajaan telah membina Rumah Biasa Kerajaan di kawasan-kawasan lain iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya, Nilai, Negeri Sembilan dan Gelang Patah, Johor. Sehubungan itu, peraturan baru bagi melaksanakan pengosongan Rumah Biasa Kerajaan perlu ditetapkan ke atas pegawai yang

menduduki Rumah Biasa Kerajaan, bertugas dan memiliki rumah sendiri melalui pembiayaan Skim Pinjaman/ Pembiayaan Perumahan Kerajaan dalam kawasan lingkungan yang ditetapkan.

PELAKSANAAN

4. Pegawai-pegawai Kerajaan yang menduduki Rumah Biasa Kerajaan, bertugas dan memiliki rumah sendiri melalui pembiayaan Skim Pinjaman/ Pembiayaan Perumahan Kerajaan dalam kawasan lingkungan 25 kilometer yang ditetapkan, dikehendaki mengosongkan Rumah Biasa Kerajaan apabila rumah yang dimiliki melalui skim tersebut siap dan selamat untuk diduduki.

5. Kawasan lingkungan 25 kilometer bagi kawasan perumahan Kerajaan Persekutuan adalah ditetapkan daripada bangunan kekal atau mercu tanda seperti berikut:

- (i) Bangunan Perdana Putra bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- (ii) Bangunan Sultan Abdul Samad bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya;
- (iii) Bangunan Dewan Serbaguna, Kompleks Kediaman Kakitangan Awam Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur bagi Nilai, Negeri Sembilan; dan
- (iv) Bangunan Dewan Serbaguna, Kompleks Kediaman Kakitangan Awam di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin bagi Gelang Patah, Johor.

6. Tempoh bagi mengosongkan Rumah Biasa Kerajaan tersebut adalah 45 hari daripada tarikh rumah tersebut siap dan selamat untuk diduduki.

7. Pegawai yang sedang menduduki Rumah Biasa Kerajaan dan memiliki rumah yang dibiayai melalui Skim Pinjaman/ Pembiayaan Perumahan Kerajaan dalam lingkungan 20 kilometer dari mercu tanda yang ditetapkan sebelum tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini adalah dikehendaki mengosongkan Rumah Biasa Kerajaan yang diduduki tersebut.

8. Pegawai yang telah memiliki rumah yang dibiayai melalui Skim Pinjaman/ Pembiayaan Perumahan Kerajaan dan menduduki Rumah Biasa Kerajaan di Wilayah Persekutuan Putrajaya sebelum 1 Januari 2002 adalah dikecualikan daripada peraturan ini.

TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 September 2007.


PEMAKAIAN

10. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

11. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 1974 adalah **dibatalkan**.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”


(TAN SRI ISMAEL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

13 Ogos 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan